


Maybank
Islamic

Maybank

Kempen Daftar MAE Wallet dan Peroleh RM30 – Terma dan Syarat

Kempen Daftar MAE Wallet dan Peroleh RM30 ("Kempen") dianjurkan oleh Malayan Banking Berhad (No. Pendaftaran: 196001000142) dan Maybank Islamic Berhad (No. Pendaftaran: 200701029411) (secara kolektif dirujuk sebagai "**Maybank**") dan hendaklah tertakluk pada terma dan syarat dalam dokumen ini. Dengan menyertai Kempen ini, Peserta yang Layak (seperti yang ditakrifkan dalam Fasal 2 di bawah) dengan ini secara nyata bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat ini dan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Maybank berhubung dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat.

1. Tempoh Kempen

- 1.1. Kempen bermula dari 8 Disember 2025 hingga 19 Disember 2025, termasuk kedua-dua tarikh atau sehingga penebusan Kempen Bajet, yang mana terdahulu ("**Tempoh Kempen**").

2. Kelayakan dan Platform

- 2.1. Kempen ini terbuka kepada peserta yang layak berikut ("**Peserta yang Layak**"):-
 - a) Individu yang bukan pelanggan Maybank dan telah mencapai umur dua belas (12) tahun dan ke atas dengan dokumen pengenalan diri yang sah, dan
 - b) Individu yang bukan pelanggan Maybank dan mendaftar untuk MAE Wallet (seperti yang ditakrifkan dalam fasal 2.4) untuk kali pertama.
 - c) Bagi individu di bawah umur lapan belas (18) tahun ("Individu Bawah Umur"), mereka mesti mendapatkan kebenaran daripada ibu bapa dan/atau penjaga yang sah untuk menyertai Kempen ini. Penggunaan aplikasi MAE ialah perakuan kepada Maybank bahawa Individu Bawah Umur itu telah mendapat kebenaran terdahulu daripada ibu bapa dan/atau penjaganya yang sah untuk menyertai Kempen ini. Terma dan Syarat ini akan terpakai pada dan mengikat ibu bapa dan/atau penjaga yang sah bagi Individu Bawah Umur itu dengan kuat kuasa yang sama seolah-olah ibu bapa dan/atau penjaga yang sah bagi Individu Bawah Umur itu merupakan pihak langsung dan bersetuju dengan Terma dan Syarat ini.

- 2.2. **Pemilik Tunggal** tidak layak menyertai Kempen ini.

- 2.3. Kempen ini boleh diakses melalui aplikasi mudah alih MAE by Maybank2u versi 0.9.25 dan ke atas yang dimuat turun daripada Google Play Store, Apple App Store dan Huawei AppGallery sahaja ("**Platform Kempen**").
- 2.4. MAE Wallet ialah e-dompet yang dikeluarkan oleh Maybank dan pengurusnya yang diberi kuasa, Maybank Islamic berdasarkan kontrak Syariah Wakalah (perwakilan), yang membolehkan pelanggan membuka akaun e-dompet Maybank dengan serta-merta. Setelah berjaya mendaftar MAE Wallet, pengguna akan memperoleh manfaat daripada ciri perbankan yang terjamin dan selamat, serta pelbagai ciri gaya hidup.

3. Mekanisme dan Syarat Kempen

- 3.1. Semasa Tempoh Kempen, Maybank akan menawarkan Ganjaran Pendaftaran sebanyak RM30 ("**Ganjaran Pendaftaran**") kepada Peserta yang Layak. Ganjaran Pendaftaran sebanyak RM30 ini akan dikreditkan ke dalam MAE Wallet yang aktif bagi Peserta yang Layak dalam masa **tiga puluh (30) hari** selepas tamat Tempoh Kempen.
- 3.2. Ganjaran Pendaftaran hanya terpakai pada Peserta yang Layak yang berjaya melengkapkan proses pendaftaran MAE Wallet sebagai produk Maybank pertama mereka semasa tempoh kempen.
- 3.3. Peserta yang bukan pelanggan Maybank tetapi gagal melengkapkan proses pendaftaran kerana ralat peranti, isu pengesahan atau apa-apa kegagalan pendaftaran lain tidak akan dianggap sebagai Peserta yang Layak dan oleh itu tidak akan menerima Ganjaran Pendaftaran sebanyak RM30.
- 3.4. Ganjaran Pendaftaran hanya akan dikreditkan jika baki MAE Wallet Peserta yang Layak tidak melebihi:
 - a) had dompet standard iaitu RM4,999.99, atau
 - b) had baki yang dinaik taraf iaitu RM10,000 (hanya terpakai pada Peserta yang Layak yang memegang Kad Debit Visa MAE).

4. Butiran Ganjaran Pendaftaran

- 4.1. Ganjaran Pendaftaran adalah terhad kepada **16,666 Peserta yang Layak pertama** yang berjaya mendaftar untuk MAE Wallet semasa Tempoh Kempen. Ganjaran akan diberikan berdasarkan prinsip **daftar dahulu, layan dahulu**.
- 4.2. Jumlah peruntukan belanjawan untuk Ganjaran Pendaftaran dihadkan kepada **RM499,980**, dan tiada ganjaran selanjutnya akan dikeluarkan setelah had ini dicapai.
- 4.3. Ganjaran Pendaftaran hanya akan dikreditkan ke dalam MAE Wallet yang aktif bagi Peserta yang Layak. Peserta yang Layak bertanggungjawab untuk memastikan MAE Wallet mereka kekal aktif selepas Tempoh Kempen.

- 4.4. Jika MAE Wallet tidak aktif, ditutup atau tidak dapat menerima Ganjaran Pendaftaran sebanyak RM30 pada masa pemberian, ganjaran tidak akan dikreditkan dan peserta akan dianggap tidak layak.
- 4.5. Jika baki dompet telah mencapai had maksimum masing-masing pada masa pengkreditan, ganjaran tidak boleh dikreditkan.
- 4.6. Mana-mana Ganjaran Pendaftaran yang gagal dikreditkan ke dalam MAE Wallet Peserta yang Layak atas apa jua sebab sekalipun akan dibatalkan dan tidak akan dikreditkan semula.
- 4.7. Peserta yang Layak akan dimaklumkan tentang kelayakan mereka untuk menerima Ganjaran Pendaftaran sebanyak RM30 melalui pemberitahuan automatik pada aplikasi MAE dan email.
- 4.8. Ganjaran Pendaftaran tidak boleh dipindah milik dan tidak boleh ditukar kepada item lain.
- 4.9. Maybank tidak akan meminta apa-apa butiran perbankan seperti nombor kad kredit/kad debit dan kod kebenaran transaksi bank (TAC), kata laluan akaun, PIN atau kata laluan sekali (OTP) daripada Peserta yang Layak untuk menuntut Ganjaran Pendaftaran atau untuk apa jua sebab sekalipun.
- 4.10. Peserta yang Layak mengakui dan bersetuju bahawa Maybank berhak membatalkan penyertaan mereka dalam Kempen jika:
 - a) Peserta yang Layak didapati atau disyaki melakukan aktiviti penipuan atau aktiviti lain yang menjejaskan Kempen; atau
 - b) Peserta yang Layak melanggar obligasinya atau mana-mana Terma dan Syarat Kempen ini.

5. Terma dan Syarat Umum

- 5.1. Maybank tidak akan bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan bagi apa jua kegagalan teknikal, intervensi, gangguan, dan/atau kesilapan elektronik atau manusia dalam pentadbiran dan/atau pemprosesan transaksi yang dilakukan melalui aplikasi MAE, Maybank2u Biz, Maybank2u, atau Maybank2e dengan syarat perkara tersebut tidak berpunca daripada Maybank.
- 5.2. Maybank berhak untuk menarik balik, membatalkan, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini lebih awal, secara keseluruhannya atau sebahagian daripadanya, dan berhak untuk mengubah mana-mana terma dan syarat yang terkandung dalam dokumen ini, dari semasa ke semasa dengan memberikan notis sekurang-kurangnya minimum dua puluh satu (21) hari ("hari" hendaklah mempunyai maksud yang sama dengan hari kalendar) sebelum tarikh tersebut, dan notis berkenaan hendaklah disiarkan melalui laman web Maybank2u di www.maybank2u.com.my atau melalui apa-apa saluran lain yang didapati sesuai oleh Maybank. Pelanggan yang Layak bertanggungjawab untuk mendapatkan maklumat tentang ataupun mencari apa-apa notis sedemikian yang disiarkan secara sah.

- 5.3. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk mengakses laman sesawang Maybank2u di www.maybank2u.com.my secara tetap bagi melihat terma dan syarat dalam dokumen ini dan mendapatkan penjelasan daripada Maybank jika terdapat mana-mana Terma & Syarat yang tidak difahami sepenuhnya.
- 5.4. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat dalam dokumen ini serta bersetuju dan memberi kebenaran supaya data peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank menurut Penyata Privasi Maybank yang boleh didapati di www.maybank2u.com.my ("*Maybank Privacy Statement*") dan pada Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu. Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan terma dalam *Maybank Privacy Statement* dan Borang PDPA untuk Pelanggan-Pelanggan Individu, Pelanggan yang Layak bersetuju dan membenarkan data atau maklumat peribadinya dikumpul, diproses dan digunakan oleh Maybank untuk:
- a) tujuan Kempen; dan
 - b) aktiviti pemasaran dan promosi yang dijalankan oleh Maybank, termasuk tetapi tidak terhad kepada apa-apa bentuk pengiklanan atau media dan bahan publisiti seperti rakaman audio dan/atau visual yang diterbitkan melalui akhbar, rangkaian televisyen, stesen radio atau maymedia dalam talian dan media digital serta dalam internet. Aktiviti pemasaran dan promosi termasuk dan tanpa had kepada penggunaan dan/atau penyiaran apa-apa butiran yang diberikan dalam dan/atau yang berhubung dengan penyertaan, bahan temu bual serta respons dan gambar yang berkaitan. Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk bekerjasama dan mengambil bahagian dalam semua aktiviti pengiklanan dan publisiti Maybank yang berkaitan dengan Kempen ini.

*Nota: "PDPA" merujuk kepada *Personal Data Protection Act (2010)* (Akta Perlindungan Data Peribadi (2010)).

- 5.5. Maybank dan pegawai, kakitangan, pekerja, wakil dan/atau ejennya (termasuk dan tanpa had kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang dilantik oleh Maybank untuk tujuan Kempen ini) tidak bertanggungjawab terhadap Pelanggan yang Layak dalam Kempen ini bagi apa-apa kerugian atau kerosakan langsung, tidak langsung, khas atau berbangkit (termasuk tetapi tidak terhad kepada kehilangan pendapatan, keuntungan atau nama baik) yang timbul dari atau yang berhubung dengan Kempen ini kecuali disebabkan oleh apa-apa kecuai atau pengabaian oleh Maybank.
- 5.6. Maybank tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa kegagalan melaksanakan obligasinya di bawah Kempen ini yang disebabkan oleh apa-apa peristiwa *force majeure* yang termasuk tetapi tidak terhad kepada ketentuan Tuhan, bencana alam, kekacauan awam, tindakan

perang, mogok, rusuhan, sekatan masuk, tindakan perindustrian, kebakaran, banjir, kemarau, ribut, epidemik dan pandemik atau apa-apa peristiwa dan keadaan walau apa pun sifatnya, yang di luar kawalan munasabah Maybank.

- 5.7. Maybank boleh membatalkan/menolak mana-mana Pelanggan yang Layak yang tidak mematuhi terma dan syarat yang dinyatakan dalam dokumen ini dan/atau didapati atau disyaki cuba mengubah Kempen dan/atau prosesnya atau operasi Kempen ini yang termasuk aktiviti pemalsuan melibatkan apa-apa tindakan tipu helah dan/atau perdayaan dan/atau penipuan berhubung dengan Kempen ini.
- 5.8. Terma dan Syarat ini hendaklah dikawal oleh Undang-undang Malaysia dan tertakluk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia.

Untuk maklumat, pertanyaan, maklum balas dan/atau aduan berkaitan dengan Kempen ini, sila hubungi talian utama Pusat Khidmat Pelanggan Maybank di 1 300 88 6688 atau +603 7844 3696. Sebagai alternatif untuk maklum balas dan/atau aduan, Pelanggan yang Layak boleh memilih untuk menghantar e-mel kepada Maybank melalui borang maklum balas di laman web Maybank2u www.maybank2u.com.my.